



PERADUAN SAING SAHUR GEGAR BERSAMA KFC TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	ASTRO RADIO SDN BHD
2.	Stesen Radio	GEGAR
3.	Nama Peraduan	SAING SAHUR GEGAR BERSAMA KFC
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Ini adalah peraduan atas talian untuk peluang memenangi baucer KFC bernilai RM100.
5.	Mekanisme ringkas Peraduan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peserta hanya perlu melayari laman web GEGAR iaitu www.Gegar.my untuk menyertai peraduan ini. 2. Peserta perlu memasukkan kata laluan yang diumumkan oleh Stesen Radio di udara & lengkapkan slogan kenapa nak menang baucer KFC (tidak melebihi 30 patah perkataan) di laman web Gegar.my. 3. Peserta yang memasukkan kata laluan yang betul dengan slogan paling kreatif akan memenangi baucer KFC bernilai RM100. <p>Peserta mesti mematuhi mekanisme Peraduan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan.</p>
6.	Kriteria Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah. b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.
7.	Ketidaklayakan	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Peraduan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka. (b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini. (c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini. (d) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5,001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebelum menyertai Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 13hb Mei 2019. b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan

		kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.
9.	Caj	Tidak berkeñaan
10.	Tempoh Peraduan	13 Mei 2019 – 24hb Mei 2019 Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknyã.
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Peserta perlu melayari laman web GEGAR iaitu www.Gegar.my , memasukkan kata laluan yang diumumkan oleh Stesen Radio di udara & lengkapkan slogan kenapa nak menang baucer KFC (tidak melebihi 30 patah perkataan).
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	Penyertaan mestilah diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum 11.59 malam pada 24hb Mei 2019.
14.	Cara Penghantaran	Melalui laman web Stesen Radio – www.Gegar.my
15.	Alamat	All Asia Broadcast Centre Technology Park Malaysia Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur Malaysia
16.	Pemilihan Pemenang	Peserta yang memberi kata laluan yang betul dengan slogan yang paling kreatif yang ditentukan oleh pihak Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyã.
17.	Hadiah	Baucer KFC bernilai RM 100.
18.	Pemakluman Pemenang	Pemenang akan dimaklumkan oleh Pihak Penganjur selepas Tempoh Peraduan melalui SMS atau panggilan telefon.
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh Pihak Penganjur
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh Pihak Penganjur
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai. Panel hakim akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknyã membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut. Jika Hadiah adalah dalam bentuk tiket percuma, baucer atau pas: (a) pemenang adalah tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat penganjur atau penaja acara tersebut; (b) pemenang mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tiket (seperti klasifikasi filem) dan peraturan lokasi di mana acara tersebut akan diadakan; dan (c) tempat, tarikh dan masa acara/program/filem/persembahan boleh diubah pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Penganjur, penganjur acara atau penaja.

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma

Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.